



SIARAN AKHBAR

Peraturan Bagi Melakukan Pekerjaan Luar Oleh Pegawai Awam

Mutakhir ini pelbagai pihak telah mengemukakan pandangan supaya pegawai-pegawai perkhidmatan awam khususnya dari kumpulan sokongan diberi kebenaran melakukan pekerjaan luar atau kerja sambilan untuk menambah pendapatan bulanan mereka bagi meringankan beban perbelanjaan isi rumah berikutan kenaikan harga barangan keperluan dan perbelanjaan harian yang lain.

Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) ingin menjelaskan bahawa peraturan berkaitan pegawai-pegawai perkhidmatan awam yang ingin melakukan pekerjaan luar sememangnya telah lama wujud dan masih berkuat kuasa.

Berdasarkan Peraturan 5, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 dan Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) Pindaan 2002, pegawai-pegawai perkhidmatan awam yang ingin melakukan pekerjaan luar hendaklah terlebih dahulu mendapat **kebenaran bertulis daripada ketua jabatan** masing-masing.

Dalam menimbangkan permohonan anggota pegawai awam, Ketua Jabatan perlulah mengambil kira tata kelakuan pegawai awam berkenaan seperti ditetapkan di bawah peraturan-peraturan di atas. Ketua Jabatan juga hendaklah memastikan syarat-syarat yang ditetapkan dipatuhi sepenuhnya iaitu:

- (i) pekerjaan luar itu tidak dilakukan dalam waktu bekerja pegawai atau semasa pegawai itu dikehendaki melaksanakan tugas rasminya;

- (ii) pekerjaan luar itu tidak akan menjejaskan kebergunaan pegawai itu sebagai seorang pegawai perkhidmatan awam; dan
- (iii) tidak bercanggah dengan kepentingan perkhidmatan awam atau menjadi tidak selaras dengan kedudukan pegawai itu sebagai seorang pegawai perkhidmatan awam.

Pengenaan syarat-syarat tersebut ialah untuk memastikan pekerjaan luar yang dilakukan oleh pegawai-pegawai perkhidmatan awam tidak akan menjejaskan kepentingan penyampaian perkhidmatan awam dan produktiviti pegawai.

Unit Komunikasi Korporat
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia
Putrajaya

Tarikh : 11 Jun 2008